

Komoditi Getah Semasa Zaman Kemelesetan Ekonomi Dunia Di Kedah, 1929 – 1939

Rubber Commodities During the World Economic Recession in Kedah, 1929 – 1939

Muhammad Irfan Imannullah bin Mohamad Zakir*
Jabatan Sejarah, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris,
35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia

*email: Muhammad Irfan Imannullah bin Mohamad Zakir (email: ipanirfn636@gmail.com)

Published: 15 June 2025

To cite this article (APA): Mohamad Zakir, M. I. I. (2025). Komoditi getah semasa zaman kemelesetan ekonomi dunia di Kedah, 1929 – 1939. *Munsyi Jurnal Pengajian Sejarah*, 3(1), 16-33. <https://doi.org/10.37134/munsyi.vol3.1.2.2025>

Abstrak

Kajian ini berkisar tentang Komoditi Getah Semasa Zaman Kemelesetan Ekonomi Dunia di Kedah pada tahun 1929 sehingga 1939. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji kemajuan ekonomi pertanian getah di Kedah dalam tempoh zaman kemelesetan dalam tahun 1929 sehingga tahun 1939. Fokus kajian ini adalah untuk menganalisis pengaruh kemelesetan ekonomi terhadap kehidupan sosial masyarakat Kedah. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dalam menganalisis dan mentafsir maklumat sebelum membuat penulisan sejarah. Perbincangan di dalam penulisan ini adalah berasaskan sumber primer dan sumber sekunder yang diperolehi daripada laman web berautoriti seperti *Singapore National Library*, *National Archives of Australia* dan *Online Finding Aid (OFA)*, Perpustakaan Tunku Bainun, UPSI, Perpustakaan Negara, Kuala Lumpur, Arkib Negara cawangan Kedah/Perlis dan Arkib Pusat, Kuala Lumpur. Dapatan kajian menunjukkan kemelesetan ekonomi dunia menyebabkan ketidakstabilan perkembangan getah di negeri Kedah. Kemelesetan ini memberikan kesan langsung dan tidak langsung bukan sahaja terhadap industri getah tetapi juga terhadap kehidupan sosial masyarakat. Kajian ini diharapkan dapat memberikan sumbangan pengetahuan baru dan mengisi jurang kajian berkaitan perkembangan getah di Kedah dan kesannya pada zaman kemelesetan ekonomi dunia.

Kata kunci: Kedah, Kemelesetan Ekonomi Dunia, Getah, Ekonomi, Pertanian

Abstract

This study focuses on the rubber commodity in Kedah during the Great Depression (1929–1939). Its primary objective is to examine the development of Kedah's rubber-based agricultural economy during this period of economic downturn. The research also aims to analyze the extent to which the global economic crisis influenced the social life of Kedah's communities. A qualitative approach was employed to analyze and interpret the data before constructing the historical narrative. The discussion in this study draws upon both primary and secondary sources, obtained from authoritative repositories such as the Singapore National

Library, the National Archives of Australia, the Online Finding Aid (OFA), Tunku Bainun Library (UPSI), the National Library of Malaysia, the Kedah/Perlis branch of the National Archives, and the National Archives headquarters in Kuala Lumpur. The findings reveal that the global economic depression created instability within Kedah's rubber industry, exerting both direct and indirect effects on the sector as well as on the social fabric of the community. This study is expected to provide new insights and address the existing research gap concerning the development of the rubber industry in Kedah and its impact during the era of the global economic depression.

Keywords: Kedah, Great Depression, Rubber, Economy, Agriculture

Pengenalan

Tanaman getah telah diperkenalkan oleh British melalui H. N Ridley untuk menggalakkan penanaman getah di Tanah Melayu. Kemasukan getah ini pada awalnya bermula di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB) dan seterusnya berkembang ke Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu (NNMTB) termasuklah negeri Kedah. Pada penghujung abad ke-19, getah menjadi tanaman yang penting kepada ekonomi dunia kerana berlakunya kemajuan perindustrian di Eropah terutamanya industri pembuatan kereta menyebabkan harga getah meningkat drastik. British yang menguasai Kedah ketika itu telah meluaskan penanaman getah menyebabkan Kedah menjadi pengeluar kedua terbesar hasil getah dalam kalangan NNMTB. Namun, kemelesetan ekonomi yang berlaku pada tahun 1929 hingga 1939 telah memberikan kesan kepada ekonomi getah negeri Kedah.

Hal ini bermula daripada kejatuhan bursa saham di New York sekaligus memberikan kesan kepada ekonomi dunia ketika itu. Kemelesetan ekonomi ini melibatkan pelbagai sektor pertanian seperti padi, lada, termasuklah getah. Kawasan Tanah Melayu seperti negeri Kedah yang mengeluarkan hasil getah juga menerima kesan tersebut menyebabkan berlakunya lambakan terhadap hasil getah membawa kepada penurunan permintaan. Hal ini menjejaskan perkembangan perusahaan getah di Kedah disebabkan oleh nilai harga getah yang jatuh dengan mendadak. Kejatuhan nilai getah ini telah memberikan kesan kepada pengeluaran getah, guna tanah untuk penanaman getah, eksport dan import hasil getah. Kemelesetan pada lima tahun pertama (1929-1934) menunjukkan kesan kemelesetan yang teruk diterima oleh peladang getah sama ada berskala kecil atau besar. Hal ini menyebabkan berlaku penurunan pengeluaran getah mentah dan seterusnya menjejaskan eksport getah Kedah.

British juga telah melaksanakan pelbagai peraturan dan undang-undang bagi mengawal produktiviti getah daripada menjadi lebih buruk. Bagi lima tahun kedua (1929-1934) menunjukkan perkembangan ekonomi getah yang baik. Walaupun tidak begitu stabil, British telah melaksanakan pelbagai langkah untuk membendung kejatuhan getah. Kawalan harga dan perlaksanaan akta berkaitan getah yang dilaksanakan memberikan kesan kepada pengeluaran getah di Kedah. Kawasan utama penanaman getah seperti Alor Setar, Sungai Petani, Bandar Baharu, Lunas, Padang Serai dan beberapa kawasan lagi menunjukkan penurunan dalam pengeluaran getah. Kemerosotan getah telah memberikan kesan yang signifikan dalam aspek sosial masyarakat Kedah. Sebahagian masyarakat Kedah yang bergantung kepada getah hidup dalam keadaan yang daif menyebabkan mereka melakukan pelbagai perkara bagi memastikan kelangsungan hidup. Krisis ekonomi yang berlaku ini bukan hanya memberikan kesan kepada penduduk setempat tetapi juga kepada tenaga buruh asing. Secara tidak langsung, ia menjurus

kepada peningkatan kadar jenayah di Kedah. Artikel ini bertujuan untuk menganalisis kesan kemelesetan ekonomi dunia terhadap getah dan kehidupan sosial masyarakat Kedah.

Sejarah Penanaman dan Perkembangan Getah di Kedah

Sebelum penjajahan British, Kedah merupakan sebuah negeri yang terkenal dalam pertanian padi. Hal ini kerana masyarakat setempat majoritinya menanam padi kerana masyarakat Kedah mengamalkan sistem ekonomi sara diri.¹ Bagi getah pula, mula dikomersialkan sekitar tahun 1880-an sebagai sebuah kawasan pengeluaran hasil pertanian. Tetapi penanaman pada peringkat ini adalah tidak meluas dan hanya terhad di beberapa kawasan sahaja.²

Namun, kemasukan pengaruh British di Kedah melalui Perjanjian Bangkok (1909) telah memberikan hak kepada British untuk menguasai Kedah daripada Siam. Hal ini menyebabkan British mengambil peluang untuk memaksimumkan hasil keuntungan getah yang sedang rancak pada ketika itu.³ Pada tahun tersebut juga Enakmen Konsesi 1909 diperkenalkan oleh British untuk menggalakkan kemasukan pelabur dan syarikat asing ke negeri Kedah. Hal ini bertujuan untuk meluaskan penanaman getah dengan lebih cepat seiring dengan nilai getah yang semakin tinggi. Pelaksanaan enakmen ini telah menyebabkan pelabur asing membuka ladang getah di beberapa kawasan seperti Kuala Muda, Kulim, Baling, Bandar Bahru dan Yan.⁴

Jadual 1: Daerah dan Pemilikan Ladang Getah, 1910-1914

Daerah	Kawasan	Nama Ladang	Nama Pemilik
Langkawi		Yeoh Paik Tatt Tong Keap Whatt Klebang	Yeoh Paik Tatt Tong Su Ong Jiin Kongsi
Kuala Muda	Sungai petani Sungai petani Sungai petani Bukit Karong Semiling	Kwong Moh Seng Bharu Ban Heap Hat Ban Joo Cheang Sin Ban Huat Kelang Tupa	Fuk Peng Khoo Eu Tien Ban Joo Cheang Sin Ban Huat Chong Yong Cheng & Chong Ah Fee Chong Ah Fee & Yeng Joo Chin
	-	Tupa	Bow Ah Chang
	-	Ah Chang	Tai Cheng Sun
	-	Cheng Sun	Teoh An Hoon
	-	An Hoon	Tan Won Chang & Hoo
	-	Sing Tek Whatt	Chang Tiong
	-	Yew Tiew	Ep Yew Tiew
	-	Tai Hong	Liu Ah Tiang
	-	Kia Joo	Lim Kia Joo
	-	Oo Joo	Teoh Oo Joo
	-	Kwong Hoi	Kwong Hoi
	-	Seng Lim	Lim Seng Lim
	-	Chong So Kong	Chong So Khong
	-	Sungai Tukang	Chee Boo Yong
	-	Tan Kong Cheng	Tan Kong Cheng
	-	Ban Joo Cheang	Khoo Sing Yeng & Khoo

bersambung

	- - - - - - - -	Sin Ban Guan Sing Moh Chan Kwong Hong Ann Lama Heap Mow Hng Chee Seng Hng Bukit Karang Pai Yam Ban Heap Whatt Kwong Moh Seng Bahru	Sing Ho Lim Boon How Lim Bong Po Goon Yen & Friends Khooi Ah Tiong Ong Sing Lim Boon How Pai Yan Khoo En Tien Kok Fuk Peng
Kubang Pasu		Chee Ah Tiew Lim Thean Kee Tanah Merah	Chee Ah Tiew Lim Thean Kee Wan Yahya & Ley Cheng
Baling	-	-	-
Kota Setar	Perkembangan perladangan getah bermula di Kota Setar bermula tahun 1912	Chip Saing	Lim Yeong Hong
Kulim	Kelang Lama Karangan Sungai Ular - - - - - - - - -	Kelang Baharu Karangan Yin Kee Padang Cina Karangan Sungai Burong Pokok Lada Teluk Wong Khoo Teng Kheh Low Bung Yee Tan Taik Huat Khoo Soo Yee	Lim Eow Hong Ho Kim Tek Cheung Siew Yin Lim Yeow Hong Ho Tong Won Ng Pak Hooi Tauke Ngho Ho Leong Khoo Teng Kheh Low Bung Yee Tan Taik Huat Khoo Soo Yee
Bandar Bharu	- - - - - - - - - - - -	Bukit Tebuan Sungai Kechil Paya Dahanan Lubo Buntar Beng Kee Chin Ting Sing Tek Seng. Mahang Kwong Loon Goo Ban Sooi Chan Chip The Heng Moi Lomo Bukit Heng Mey	Tan Lo Heang Tan Lo Heang Ng Ah Tuan Ng Ah Joo Quah Beng Kee Gow Chong Sing Lo Ah Kong Leong Lok Heng Tan Chong Keat Lum Teng Soo Heng Moi Quah Beng Kee Hleng Mey

Sumber: Disesuaikan daripada *Kedah Annual Report 1910-1914*

Berdasarkan jadual di atas, pelabur-pelabur Cina banyak melaburkan modal di negeri Kedah. Hal ini disebabkan oleh kedudukan Kedah yang berdekatan Pulau Pinang memberikan peluang

yang luas kepada pelabur Cina yang menetap di sana. Tambahan pula, nilai getah yang melambung tinggi meenjadi faktor penarik kepada pelabur luar untuk meluaskan tanaman getah di Kedah.⁵ Selain pelabur Cina terdapat juga pelabur Eropah yang menubuhkan syarikat getah di Kedah. Antaranya seperti *The Kedah Rubber Company Limited*⁶, *London Asiatic Rubber and Produce Company* dan beberapa syarikat Eropah lain.⁷ Terdapat juga syarikat lain daripada Pulau Pinang dan Singapura seperti *The Kedah Rubber Plantations Co.*⁸ dan *Sime, Darby and Co.*⁹

Selain daripada pelabur asing, terdapat juga golongan elit Melayu yang terlibat dalam aktiviti perladangan ini. Mereka berusaha membuka ladang getah kesan daripada kemasukan pelabur asing yang sedang meluaskan penanaman getah pada ketika itu.

Jadual 2: Pemilik Ladang Getah di Kedah, 1912-1913

Daerah	Nama Ladang	Nama Pemilik	Keluasan (relong)
Kubang Pasu	Estet Napo	Haji Mat Amin	25
	Estet Tanah Merah	Che Ridthuan & Tunku Asiah	150
	Estet Jenan	Wan Yahia & Leng Chong	60
		Che Ridthuan & Tunku Asiah	200
Kulim	Estet Ayer Merah	Haji Zakaria	150
Bandar Baharu	Estet Banjar	Muhammad	200
	Estet Rata Panjang	Penghulu Jasin	50

Sumber: CO 716, Kedah Perlis Sessional Papers. A. R. A. K. G. 1331 A. H. (11th December 1912-30th November 1913), Appendix K.¹⁰

Golongan elit Melayu yang mempunyai kewangan yang baik telah berusaha meluaskan penanaman getah bagi mendapatkan keuntungan daripada peningkatan harga getah dalam pasaran. Secara tidak langsung, perkembangan sektor ekonomi getah ini telah membuka peluang pekerjaan yang baharu kepada orang Melayu.¹¹ Walaupun begitu, pada masa tersebut orang Melayu hanya bekerja di ladang milik golongan elit Melayu kerana masyarakat secara umumnya tidak mampu memiliki ladang sendiri. Kewujudan ladang getah orang tempatan ini semakin bertambah sehinggakan terdapat dalam kalangan orang Melayu yang berusaha menukarkan status tanah mereka daripada tanah bendang kepada tanah untuk penanaman getah. Hal ini menunjukkan bahawa masyarakat Kedah pada ketika itu telah sedar akan keuntungan hasil getah dan berusaha untuk meluaskan penanaman getah.¹²

Era Kejatuhan Getah

Perang Dunia Pertama yang berlaku telah menyebabkan ekonomi dunia menjadi tidak stabil. Perkara ini disebabkan oleh berlakunya persaingan yang sengit di antara negara eropah dalam memonopoli sumber bahan mentah. Hal ini memberikan kesan kepada negara kecil dan negara jajahan yang bergantung kepada kuasa besar termasuklah jajahan British di Tanah Melayu. Persaingan dan peperangan yang terjadi telah membawa kepada tercetusnya kemelesetan ekonomi dunia yang telah melumpuhkan pasaran ekonomi dunia. Ia bermula sekitar tahun 1929 menyebabkan harga getah menurun drastik dan memberikan kesan kepada pengeluaran getah di Kedah.

Produktiviti Getah di Kedah Pada Lima Tahun Pertama (1929-1934)

Pada lima tahun pertama (1929-1934) menunjukkan pengeluaran getah Kedah berada pada tahap yang teruk. Perkara ini boleh dilihat melalui laporan daripada Buku Panduan Perangkaan Getah Tanah Melayu tahun 1930 hingga 1933.¹³ Sebagai contoh, pada tahun 1929 menunjukkan pengeluaran getah Kedah adalah berjumlah sekitar 39,298 tan dan mengalami penurunan sebanyak 15,088 tan kepada 24,210 tan bagi tahun 1930.¹⁴ Penurunan ini bukan sahaja berlaku dalam pengeluaran getah mentah sahaja tetapi juga dari sudut penggunaan tanah dan eksport getah ke luar negeri. Hal ini disebabkan oleh berlaku penutupan ladang oleh pekebun bagi mengelakkan kerugian yang lebih besar. Penutupan ladang ini bukan sahaja berlaku dalam kalangan masyarakat Melayu tetapi juga berlaku kepada pelabur asing. Keadaan ini menyebabkan wujud perasaan bimbang dalam kalangan pemilik ladang.¹⁵

Walaupun begitu, terdapat sebahagian pekebun kecil yang tetap meningkatkan pengeluaran getah mentah. Hal ini disebabkan oleh persepsi masyarakat di mana jika mereka mengeluarkan hasil getah yang banyak, maka mereka akan mendapat pulangan yang lumayan. Perkara ini berlaku disebabkan oleh mereka tidak menyedari atau mengambil kisah situasi semasa di mana mereka lebih cenderung meningkatkan ekonomi keluarga masing-masing.¹⁶ Kejatuhan produktiviti getah ini juga telah berlaku pada tahun-tahun seterusnya menyebabkan eksport getah tidak stabil. Perkara ini menyebabkan British mula melaksanakan beberapa langkah bagi mengatasi keadaan tersebut. Secara umumnya, keadaan lima tahun pertama menunjukkan keadaan pasaran getah yang tidak stabil di Kedah.

Produktiviti Getah di Kedah Pada Lima Tahun Kedua (1935-1939)

Bagi lima tahun kedua (1935-1939) pula, produktiviti getah dilihat semakin baik. Hal ini kerana kebanyakan negara telah mula memperlihatkan perkembangan ekonomi yang memberangsangkan. Dasar dan langkah untuk menstabilkan ekonomi di Tanah Melayu telah dilaksanakan bagi meningkatkan ekonomi getah. Di negeri Kedah produktiviti getah dilihat semakin baik walaupun tidak begitu stabil. British telah melaksanakan beberapa langkah bagi mengawal semula pertumbuhan ekonomi pertanian getah.¹⁷ Antara langkah pencegahan yang dilaksanakan adalah Sistem Kuota Eksport. Sistem yang dilaksanakan ini telah membantu meningkatkan pengeluaran getah mentah di Kedah secara terkawal. Sistem ini dijalankan bertujuan untuk menghadkan pengeluaran getah pada jumlah tertentu bergantung kepada kuota yang telah ditetapkan.¹⁸ Perkara ini telah berjaya meningkatkan harga getah daripada sekitar \$14.00-\$21.00 sepikul kepada \$32.00-36.00 per pikul manakala harga tertinggi getah mencapai sehingga \$55.00 per pikul. Harga getah ini juga bergantung kepada jenis getah sama ada getah kering atau tidak kering.¹⁹

Rajah 1: Buruh India yang bekerja di Ladang Getah Tanah Melayu di bawah Pengawasan seorang Kangani



Sumber: 2001/0041526W, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur

Peningkatan pengeluaran dan eksport getah dilihat semakin pulih bagi lima tahun kedua. Penoreh getah yang bekerja diladang diawasi oleh pegawai yang ditetapkan bagi mengelakkan berlakunya salah laku berkaitan pengeluaran getah seperti menyeludup atau mencuri. Peningkatan pengeluaran ini dapat dilihat pada tahun 1937 di mana pengeluaran dan eksport getah meningkat tetapi harga yang tidak tetap. Kemelesetan ekonomi dunia yang berlaku ini menyebabkan berlaku ketidakstabilan pengeluaran, eksport dan guna tanah getah sehinggalah tahun 1939. Krisis ekonomi yang berlaku ini memberikan kesan yang sangat besar kepada pemilik ladang getah dan pekerjanya. Ia juga melibatkan tenaga buruh asing dan semestinya memberikan kesan yang mendalam bagi masyarakat tempatan.

Kesan Kemelesetan Ekonomi Dunia Terhadap Masyarakat di Kedah

Majoriti masyarakat Kedah terdiri daripada golongan petani khusus kepada pertanian padi tetapi terdapat sebahagian daripadanya yang terlibat dalam perladangan getah. Hal ini kerana hasil yang lumayan daripada penanaman getah telah menarik minat masyarakat untuk menceburi bidang ini. Mereka yang bekerja sebagai penoreh terpaksa berganti kerja kerana sebahagian penoreh tidak mempunyai ladang sendiri. Bagi Penoreh yang mempunyai tanah yang kecil mereka terpaksa bertukar tanaman bagi memperoleh pendapatan yang mencukupi untuk menyara keluarga. Kemelesetan yang berlaku memberikan kesan yang signifikan kepada sosial masyarakat.

Ketidakstabilan Taraf Hidup

Kemelesetan yang berlaku menyebabkan harga getah menurun memberikan pengaruh kepada taraf hidup masyarakat. Pendapatan penoreh getah merosot drastik akibat daripada kesan tersebut. Perkara ini dibuktikan melalui jumlah upah yang diterima oleh penoreh getah di Kedah pada tahun 1933 hingga 1934 secara purata sebanyak 28 sen sehari bagi lelaki dan 24 sen bagi wanita pada awal tahun. Upah penoreh getah pada tahun 1933 memperlihatkan pendapatan rendah kesan daripada kejatuhan nilai getah.²⁰ Walau bagaimanapun, berlaku kenaikan kadar upah penoreh iaitu kira-kira 30 sen hingga 32 sen sehari bagi lelaki dan 25 sen sehingga 27 sen sehari bagi wanita yang dapat dilihat menjelang hujung tahun tersebut.²¹

Walaupun begitu, kejatuhan nilai getah ini memberikan kesan hanya kepada segelintir masyarakat Melayu sahaja. Hal ini kerana masyarakat Kedah memberikan tumpuan kepada ekonomi pertanian sara diri. Mereka menggunakan tanah yang ada untuk bercucuk tanam dan menternak binatang bagi membantu mengurangkan kesan kemelesetan. Hasil pertanian dan penternakan tersebut akan dijadikan sebagai makanan manakala sebahagiannya dijual.²²

Malahan terdapat keadaan di mana taraf hidup masyarakat meningkat akibat daripada kenaikan kadar upah. Kenaikan kadar upah ini dianggarkan 35 sen sehingga 40 sen sehari bagi lelaki manakala perempuan dianggarkan 28 sen sehingga 32 sen sehari.²³ Perkara yang sama juga dapat dilihat pada tahun 1937 di mana berlaku peningkatan kadar upah yang tinggi iaitu 50 sen sehari bagi lelaki dan 40 sen sehari bagi perempuan. Peningkatan upah ini adalah disebabkan oleh harga getah pada masa itu meningkat pada tahap yang menguntungkan. Hal ini kesan daripada pembukaan kuota getah yang dinaikkan kepada 90 peratus.²⁴ Namun keterikatan upah dengan nilai getah menyebabkan tahap upah penoreh juga menjadi tidak stabil. Keadaan taraf hidup masyarakat Kedah juga boleh dilihat pada awal tahun 1938 memperlihatkan pengurangan kuota getah kepada 45 peratus sahaja.²⁵ Meskipun terdapat usaha untuk menstabilkan gaji penoreh selepas pengurangan kuota eksport, tetapi kadar gaji tetap rendah. Pengurangan upah menyebabkan kehidupan masyarakat berada pada tahap yang rendah.²⁶ Dapat disimpulkan bahawa kemelesetan ekonomi ini sememangnya memberikan kesan kepada masyarakat tempatan yang terlibat dalam perladangan getah. Hal ini menyebabkan taraf hidup mereka rendah sekaligus memberikan tekanan kepada ekonomi keluarga. Ketidakstabilan upah ini menyebabkan budaya masyarakat yang suka hidup bermewah terpaksa diketepikan dan hanya mengutamakan keperluan untuk kelangsungan hidup mereka.

Belunggu Hutang dan Kemiskinan

Pengurangan upah akibat kejatuhan harga getah membawa kepada taraf hidup yang rendah menyebabkan kehidupan mereka bertambah sukar. Hal ini didorong faktor kemiskinan dan amalan berhutang sejak dahulu lagi. Masyarakat tempatan yang miskin sering melakukan pinjaman dan pinjaman telah menjadi tabiat turun-temurun. Perkara ini menyebabkan hutang mereka semakin bertambah dari semasa ke semasa. Antara sebab masyarakat Kedah terbeban dengan hutang ialah amalan berbelanja berlebihan terutamanya dalam majlis perkahwinan dan majlis-majlis lain yang memerlukan wang dalam jumlah yang besar. Beban hutang sedia ada dalam keadaan ekonomi yang menyukarkan penoreh mendapatkan upah yang tinggi menyebabkan kemiskinan meningkat.²⁷ Selain itu, semasa zaman kemelesetan terdapat ramai pekebun kecil melakukan pinjaman bertujuan untuk menanam pokok baharu, membeli baja, membajak tanah dan sebagainya. Hal ini kerana terdapat pekebun kecil yang sangat miskin dan tidak mendapat bantuan yang mencukupi daripada kerajaan menyebabkan hutang menjadi penyelesaian mereka.

Hutang ini diperolehi melalui peniaga Cina dan Ceti yang aktif memberikan pinjaman kepada masyarakat yang memerlukan.²⁸ Syarat pinjaman yang tidak adil memburukkan lagi ekonomi masyarakat ketika itu. Antara syarat pinjaman yang tidak adil adalah di mana mereka akan memberikan pinjaman hanya sebanyak 30 hingga 40 peratus daripada nilai sebenar yang dipajak, faedah yang sangat tinggi seperti kadar faedah mencecah 50 peratus setahun dan perjanjian yang berat sebelah.²⁹ Perkara ini dibuktikan melalui seorang petani Kedah yang bernama Kapten Hashim yang telah melakukan pinjaman sebanyak \$3,700. Beliau memiliki 23 ekar tanah getah, lima ekar tanah kelapa dan 18 ekar tanah tanaman lain. Dia telah membayar faedah pinjaman selama tiga tahun bersama tiga anak lelakinya namun hutang tersebut tidak berkurang tetapi telah meningkat menjadi lebih banyak.³⁰

Amalan berhutang ini juga tidak terhad kepada masyarakat Melayu sahaja tetapi juga melibatkan buruh asing.³¹ Amalan ini dapat dilihat dalam kalangan buruh India di mana mereka selalu melakukan pinjaman untuk mendapatkan tunai segera. Tabiat boros dan cara hidup yang masih lagi mengikut tradisi negara asal telah menimbulkan kebimbangan daripada Persatuan Penanam Getah menyebabkan mereka telah mewujudkan sebuah jawatankuasa untuk melakukan penyiasatan terhadap masalah ini. Hasilnya, kebiasaan buruh India ini akan memajukan barang kemas yang dimiliki di kedai-kedai pajak Cina. Pajak yang dilakukan tanpa disedari telah menjadi masalah yang besar kepada mereka kerana kadar bunga yang tinggi sehingga tidak mampu untuk membayar semula hutang mereka. Hal ini menyebabkan keadaan hidup mereka semakin teruk. Kebiasaan yang dilakukan oleh mereka menyebabkan peningkatan terhadap masalah kemiskinan di Kedah.³²

Kemiskinan dan belenggu hutang ini juga didorong oleh kekurangan peluang pekerjaan bagi pelajar yang telah tamat pengajian. Hal ini kerana kesan kemelesetan ekonomi ini menyebabkan peluang kerja terhad termasuklah pelajar Melayu yang mempunyai kelulusan dalam bidang pendidikan Inggeris.³³ Pelajar yang tidak mendapat pekerjaan menyebabkan mereka tidak dapat memberikan sumbangan kepada ekonomi keluarga bahkan menjadikan beban kewangan bertambah. Hal ini kerana terdapat masyarakat yang melakukan pinjaman wang daripada ceti atau peniaga Cina untuk menghantar anak mereka ke sekolah dengan harapan dapat bekerja dalam jabatan kerajaan. Akibatnya, keluarga tersebut perlu memajak tanah atau apa-apa barang berharga untuk membayar pinjaman tersebut sekaligus menyebabkan mereka miskin.³⁴

Peningkatan Kadar Jenayah

Dalam tempoh kemelesetan ekonomi ini, terdapat segelintir individu yang mengambil peluang untuk mengaut keuntungan daripada jalan yang salah. Hal ini kerana keadaan ekonomi yang tertekan menyebabkan pelaku jenayah cenderung mengeksploitasi kelemahan undang-undang dan ketidakstabilan ekonomi untuk mendapatkan keuntungan.³⁵ Antara jenayah berkaitan getah yang sering berlaku adalah penyeludupan getah. Penyeludupan getah juga berlaku disebabkan oleh kuota yang telah ditetapkan kepada negara pengeluar. Hal ini dapat dilihat melalui peningkatan kuota getah di Siam daripada 15,000 tan setahun kepada 40,000 tan pada tahun 1935.³⁶

The Times of Malaya melaporkan bahawa pembaharuan kuota ini dianggap mencukupi bagi pengeluaran getah di Siam tetapi timbul keraguan oleh Pegawai Getah Kedah berlakunya jenayah berkaitan getah.³⁷ Perkara ini telah menimbulkan kebimbangan berlakunya penyeludupan getah yang tidak terkawal jika Siam tidak mampu memenuhi kuota getah mereka. Perkara ini menjadi kenyataan apabila terdapat laporan yang menyatakan terdapat getah tidak bercukai sedang dijual di kawasan tertentu di Kedah terutamanya di sempadan Siam. Penjualan getah pada masa ini masih lagi berada pada tahap rendah menyebabkan langkah-langkah pencegahan mula dirancang.³⁸

Walaupun begitu, penyeludupan getah semakin meningkat pada tahun 1936 di mana kaedah penyeludupan semakin canggih bagi mengelakkan sekatan undang-undang. Antara kaedah penyeludupan adalah menyembunyikan getah di bahagian bawah tempat duduk kenderaan dan di bahagian enjin. Cara ini terkenal di laluan Tambak Johor ke Singapura dan sempadan Kedah-Siam.³⁹ Selain itu, penyeludup menggunakan pulau-pulau kecil dan kawasan tepi pantai yang berdekatan sebagai pusat penyeludupan. Cara yang dilakukan ini pada awalnya tidak dapat dikesan oleh pihak berkuasa namun pergerakan bot yang mencurigakan telah menyebabkan

pihak berkuasa menyedari taktik ini. Terdapat laporan bahawa kupon dan hak eksport getah yang diagihkan di kawasan pulau yang terlibat melebihi jumlah getah yang dihasilkan menunjukkan penyalahgunaan kuota.⁴⁰

Pada awal tahun 1937, pihak berkuasa Kedah menerima laporan tentang penyeludupan getah di mana berlaku pergerakan getah yang diimport dari Kedah ke Batu Ferringhi. Getah tersebut disembunyikan di sebuah tebing berketinggian 10 kaki di dalam sebuah semak. Pemerhatian pihak berkuasa mendapati terdapat bot dengan nombor pendaftaran Kedah yang digunakan untuk menyeludup getah dan telah menahan sekitar 10 orang tempatan dan dua orang India yang terlibat dalam kegiatan itu.⁴¹ Aktiviti penyeludupan di Kedah juga menunjukkan angka yang tinggi di mana terdapat 27 pendakwaan berkaitan dengan penyeludupan getah. Salah satu kes adalah di daerah Baling, di mana melibatkan denda sebanyak \$4,000 dan dikurangkan kepada \$2,500 selepas rayuan dilakukan.⁴²

Selain daripada aktiviti penyeludupan, terdapat juga penyalahgunaan kupon getah sekitar penghujung tahun 1935. Kupon getah merupakan hak yang diberikan pemilik ladang getah untuk mengeksport hasil getah dari ladang mereka. Kupon yang boleh dipindah pemilikannya dan boleh diperdagang memberikan peluang kepada segelintir pihak untuk membeli dan menjual kupon tersebut.⁴³ Perdagangan kupon ini dilakukan untuk mendapatkan keuntungan sama ada kepada penjual atau pembeli secara sah atau tidak sah. Perdagangan kupon ini sering dilakukan oleh pemilik ladang yang tidak dapat memenuhi kuota tersebut kepada pemilik ladang yang lain. Hal ini telah menggalakkan aktiviti penyeludupan getah terutamanya ke Siam. Kupon yang dijual ini boleh digunakan untuk menutup kegiatan eksport getah yang diseludup menjadikannya sah di mata pihak berkuasa. Selain itu, terdapat pemilik ladang getah yang menjual kupon getah untuk menstabilkan kewangan dan mengimbangi kerugian. Kerugian yang dirasakan menyebabkan mereka mencari alternatif lain untuk mendapatkan pendapatan walaupun permintaan getah tidak menentu.⁴⁴

Antara jenayah lain adalah penanaman pokok getah secara haram. Kesan daripada kemelesetan menyebabkan kerajaan telah merancang dan melaksanakan enakmen dan akta yang berkaitan bagi mengawal hasil getah.⁴⁵ Namun pengawalan dan harga getah telah memberikan tekanan kepada pemilik ladang getah kerana memerlukan kelulusan daripada pegawai getah untuk mengeluarkan hasil getah dan melakukan penanaman. Hal ini menyebabkan mereka melakukan penanaman getah secara haram untuk meningkatkan hasil getah. Jenayah ini dilihat di Alor Setar di mana Tan Joo Cheng telah ditahan atas kesalahan tersebut. Dia telah menanam pokok getah di dua kawasan iaitu seluas lebih kurang 14 relong dan satu lagi di kawasan tanah simpanan kerajaan lebih kurang tiga relong. Hasil pemerhatian mendapati Tan disabitkan kesalahan dan dikenakan denda \$500 dan penjara dua bulan jika gagal membayar denda.⁴⁶

Tahap Kesihatan Masyarakat

Zaman kemelesetan ekonomi dunia juga memberikan kesan kepada tahap kesihatan masyarakat terutamanya dalam kalangan buruh asing. Hal ini kerana kemudahan kesihatan pada masa tersebut berada pada tahap yang rendah menyebabkan tiada langkah dalam pengawalan penyakit yang berterusan dan berkualiti. Ketidakstabilan ekonomi memburukkan lagi keadaan ini apabila masyarakat tempatan dan buruh asing tidak mampu mendapatkan perkhidmatan kesihatan.⁴⁷ Laporan Kesihatan Tahunan Negeri Kedah pada tahun 1933 menggambarkan keadaan kesihatan masyarakat berada dalam keadaan yang sederhana. Pada masa ini, masyarakat tidak terjebak dengan penyakit berjangkit tetapi terdapat kes yang tinggi melibatkan Malaria yang menyumbang kepada kadar kematian yang tinggi. Taraf kesihatan ini

boleh dilihat melalui kadar kematian yang direkodkan pada tahun tersebut adalah 20.40 per seribu yang meningkat daripada 18.44 per seribu pada tahun 1932. Peningkatan dilihat melalui buruh India yang merekodkan kes sebanyak 7.65 per seribu.⁴⁸

Rajah 2: Sistem Saliran Ladang untuk Pencegahan Malaria di Persekutuan Malaya T.T.



Sumber: 2001/0022075W, Jabatan Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur

Peningkatan kematian yang terjadi menyebabkan terdapat langkah dilaksanakan kerajaan dalam membendung penularan penyakit berbahaya. Kerajaan telah mewujudkan pasukan doktor khas untuk memberikan rawatan awal kepada bayi dan orang yang mempunyai gejala penyakit.⁴⁹ Kerajaan juga menyediakan bantuan rawatan susulan yang berterusan dan tempat tinggal bagi pesakit. Terdapat juga Skim Anti-Malaria yang bertujuan mencegah penyakit tersebut yang merupakan punca utama kematian pada ketika itu. Kesan kemelesetan yang diterima oleh buruh ladang menyebabkan kerajaan mengambil langkah sedemikian. Hal ini kerana pada masa tersebut, majoriti buruh tidak mampu mendapatkan rawatan.⁵⁰

Peningkatan apa kematian juga dapat dilihat pada tahun 1934 dimana 20.40 per seribu direkodkan pada tahun tersebut. Seperti tahun sebelumnya, kes Malaria menyumbang kepada kadar kematian yang tinggi selaras dengan tekanan ekonomi pada masa tersebut. Hal ini kerana kawasan estet di Kedah mempunyai taraf kesihatan yang rendah. Mereka tidak mempunyai ubat-ubatan yang mencukupi, kekurangan doktor dan pakar kesihatan. Kemelesetan yang berlaku menyebabkan peruntukan kewangan untuk kesihatan terpaksa dikurangkan serta rawatan dan pemeriksaan kesihatan yang diberikan terhad.⁵¹ Peningkatan kadar kematian terus berlaku pada tahun 1935 yang merekodkan 22.75 per seribu atau sebanyak 19,299 kematian. Hal ini disebabkan oleh berlakunya pergerakan secara besar-besaran buruh India dan Cina. Buruh ini majoritinya tinggal di kawasan petempatan yang kecil menyebabkan apabila mereka terkena sesuatu penyakit, maka risiko penyebaran penyakit tersebut adalah tinggi.⁵²

Peningkatan kadar kematian ini menyebabkan kerajaan melaksanakan langkah-langkah pencegahan yang lebih ketat pada tahun seterusnya di kawasan penanaman padi, estet dan kawasan perdagangan. Majoriti kematian pada tahun 1936 adalah berpunca daripada demam tidak spesifik dan Malaria terutamanya di kawasan Tengah Kedah meliputi Alor Setar, Pendang, Kuala Kedah, Pokok Sena dan kawasan Selatan Kedah meliputi Sungai Petani, Gurun, Baling, Kulim, Bandar Baharu. Langkah ini juga menumpukan kawasan lain yang mempunyai keperluan kesihatan yang berbeza dan berisiko dalam peningkatan penyakit

terutamanya malaria.⁵³ Bagi kadar kelahiran pula, terdapat 16, 763 kelahiran direkodkan pada tahun 1933 bersamaan 36.03 per seribu. Jumlah kelahiran pada tahun ini tidak menunjukkan perubahan yang ketara berbanding tahun-tahun sebelumnya.⁵⁴

Pada tahun berikutnya, berlaku peningkatan kadar kelahiran kepada 37.57 per seribu. Kadar kelahiran ini menunjukkan peningkatan terutamanya dalam tempoh kemelesetan ekonomi dunia. Peningkatan ini berlaku disebabkan oleh keseimbangan nisbah jantina dalam jumlah penduduk terutamanya dalam kalangan buruh asing. Hal ini kerana, nisbah jantina dalam kalangan populasi Melayu kekal normal dan tidak memperlihatkan ketidakseimbangan yang ketara.⁵⁵ Penghantaran pulang buruh asing yang menganggur dan tidak bekerja terutamanya dalam kalangan buruh Cina dan India Selatan telah membantu menyeimbangkan nisbah jantina. Buruh-buruh yang dihantar pulang terdiri daripada buruh lelaki dan perempuan yang bujang meninggalkan buruh yang berkeluarga. Keluarga yang stabil dan menetap di kawasan estet Kedah telah mempengaruhi kadar kelahiran pada tahun tersebut.⁵⁶

Perkara ini seiring dengan laporan tahunan penasihat British iaitu J. D. Hall yang menyatakan bahawa pada tahun-tahun awal kemelesetan memperlihatkan kadar kelahiran meningkat. Hal ini disebabkan terdapat sejumlah besar imigran Cina dan India Selatan yang menganggur atau miskin telah dihantar pulang ke negara asal mereka. Namun cabaran kesihatan ini berlaku disebabkan oleh peningkatan kes Malaria yang menjadi penyakit berbahaya ketika itu.⁵⁷

Berlaku sedikit perubahan pada tahun 1935 di mana berlaku penurunan dalam kadar kelahiran yang direkodkan iaitu 36.93 per seribu atau sebanyak 16,713 kes. Ketidakseimbangan kelahiran dilihat pada tahun ini di mana dianggarkan 8,620 adalah bayi lelaki manakala dianggarkan 8,093 bayi perempuan. Peningkatan juga dapat dilihat pada tahun 1936 dimana kadar kelahiran kasar adalah sebanyak 39.5 per seribu atau 18,683 kelahiran. Tetapi kelahiran pada tahun ini lebih seimbang berbanding tahun sebelumnya. Pada tahun ini, kelahiran dalam kalangan orang Melayu lebih tinggi berbanding kaum lain di mana kelahirannya 4 kali ganda lebih tinggi berbanding orang Cina dan 7 kali ganda berbanding komuniti lain.⁵⁸ Peningkatan kelahiran ini didorong oleh langkah pencegahan dan rawatan yang dilaksanakan di kawasan luar bandar dan di ladang-ladang getah. Pada masa ini, penurunan kadar kematian bayi dalam masyarakat Melayu adalah sangat tinggi menyebabkan kerajaan memberikan tumpuan kepada masyarakat asing.⁵⁹

Terdapat juga langkah yang tertumpu kepada komuniti India yang tinggal di estet-estet getah kerana tahap kesihatan mereka yang rendah menyebabkan wujudnya banyak penyakit. Keadaan estet yang padat, kotor dan tidak terurus menyebabkan wujudnya rantai penyakit yang membawa kepada kematian. Ditambah kemelesetan ekonomi yang berlaku menyebabkan mereka tidak mampu mendapatkan rawatan yang baik serta rawatan disediakan oleh kerajaan tidak mencukupi.⁶⁰


Rajah 3: Alor Setar Water Works. Tangki Pengendapan, Sungai Terjun, Alor Setar, Kedah; 7 Disember 1913.



Sumber: 2001/0036698W, Jabatan Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur

Antara langkah yang dilaksanakan kerajaan adalah melakukan sanitasi di kawasan estet seperti di Alor Setar, Sungai Petani, Kulim dan Kuah (Langkawi), pembersihan kawasan saliran dan perparitan yang dibiayai oleh Majlis Negeri Kedah dan pembinaan bekalan air di Alor Setar. Terdapat juga rawatan secara berkala di kawasan estet di bawah Enakmen Lembaga Kesihatan dan kemudahan rawatan segera kepada buruh yang mempunyai simptom penyakit serius. Langkah-langkah ini dilakukan bagi memastikan pencegahan awal dapat diambil bagi mengurangkan kesan yang lebih buruk terutamanya dalam tempoh kemelesetan. Bagi masyarakat Cina pula, tahap kesihatan mereka tidak berubah di mana pemilik ladang yang mengaji buruh Cina tidak memberikan tumpuan untuk memanfaatkan kemudahan yang disediakan oleh Lembaga kesihatan.⁶¹

Rajah 4: Keadaan Dalam Wad T.B. Sanitorium, Kuala Ketil, Kedah



Sumber: 2001/0051748W, Jabatan Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur

Secara umumnya, masyarakat di Kedah berisiko menghadapi penyakit yang boleh membawa kepada kematian. Kemelesetan ekonomi telah memberikan kesan kepada taraf kesihatan masyarakat di Kedah kerana ketidakstabilan ini menyebabkan nilai getah rendah sekaligus

mewujudkan pengangguran dan penoreh kehilangan pendapatan. Hal ini menyebabkan berlakunya pergerakan imigran secara besar-besaran ke dalam dan luar negara yang meningkatkan risiko penyakit berjangkit yang berbahaya.⁶² Kekurangan atau kehilangan pendapatan juga menyebabkan masyarakat tidak mampu mendapatkan rawatan kesihatan apabila mereka menghadapi penyakit. Seterusnya, majoriti taraf kesihatan di kawasan estet di Kedah berada di paras yang rendah disebabkan oleh persekitaran yang kotor dan kurangnya penjagaan kebersihan. Hal ini menyebabkan kerajaan mempertingkatkan klinik di kawasan estet dan penubuhan pasukan pegawai perubatan bergerak yang dinamik bagi mengatasi masalah kesihatan di Kedah.⁶³

Kesan daripada kemelesetan telah memberikan kesan kepada tahap kesihatan masyarakat yang dapat dilihat di estet-estet getah. Tahap kesihatan ini memperlihatkan berlakunya naik turun dalam kadar kelahiran dan kadar kematian yang melibatkan semua lapisan masyarakat. Tahap kesihatan yang rendah juga menyebabkan ramai orang mati akibat daripada penyakit berjangkit seperti Malaria yang didorong oleh keadaan persekitaran mereka yang rendah. Kemelesetan ekonomi dunia menyebabkan masyarakat mengalami masalah pengangguran dan kekurangan wang menyebabkan mereka tidak mampu mendapatkan rawatan kesihatan segera. Pada awalnya British tidak menyediakan peralatan dan pakar kesihatan memberikan kesan kepada tahap kematian dalam kalangan masyarakat sebelum pelbagai langkah diambil bagi mengatasi masalah tersebut.

Kesimpulan

Tuntasnya, komoditi getah semasa kemelesetan ekonomi dunia di Kedah pada tahun 1929 hingga 1939 ini sangat penting kerana kajian ini mengkaji tentang perkembangan dan kesan yang wujud daripada peristiwa tersebut. Krisis ekonomi yang berlaku ini bukan sahaja memberikan kesan kepada pertanian getah sahaja tetapi juga kepada masyarakat Kedah. Perkembangan yang berkait rapat dengan kesan ini dapat dilihat untuk dijadikan pengajaran oleh kita pada hari ini untuk mengelakkan perkara yang sedemikian berulang kembali. Justeru itu, pengetahuan dan pemahaman terhadap terhadap kajian ini adalah sangat penting bagi menghadapi cabaran yang wujud dalam sektor perladangan getah di Kedah pada masa kini.

Penghargaan

Penulis ingin merakamkan penghargaan kepada penilai dan editor Jurnal Munsyi di atas sumbangan mereka sehingga makalah ini dapat diterbitkan.

Rujukan

- Alor Setar Water Works: Settling tank, Sungai Terjun, Alor Setar, Kedah; 7.12.1913. (n.d.). Jabatan Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur. (2001/0036698W) Annual report of the social and economic progress of the people of the State of Kedah for the year 1352 AH. (1933). Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur. (2007/0002704W, K/SUK 1/13)*
- Annual report of the social and economic progress of the people of the State of Kedah for the year 1354 AH. (1935). Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur. (2007/0002696W, K/SUK 1/15)*
- Annual report of the social and economic progress of the people of the State of Kedah for the year 1356 AH. (1937). Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur. (2007/0002698W, K/SUK 1/17)*
- Annual report of the social and economic progress of the people of the State of Kedah for the year 1357 AH. (1938). Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur. (2007/0002799W, K/SUK 1/18)*

- CO 716. Kedah Perlis Sessional Papers. A. R. A. K. G. 1331 A. H. (11th December 1912-30th November 1913), Appendix K.
- Indian labourers working in a Malayan rubber estate under the watch of a Kangani. (n.d.). Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur. (2001/0041526W)
- Kedahan dalam wad T.B. Sanitorium, Kuala Ketil, Kedah. (n.d.). Jabatan Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur. (2001/0051748W)
- Sistem saliran ladang untuk pencegahan malaria di Persekutuan Malaya T.T. (n.d.). Jabatan Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur. (2001/0022075W)
- Malaya rubber statistic handbook, 1930: Acreage, crops, imports & exports and consumption. (1930). National Library Board Singapore. <https://www.nlb.gov.sg/main/book-detail?cmsuuiid=f2c1ae83-d594-4860-ac50-a4e227d775a9>
- 236,000 acres of rubber smallholdings untapped. (1936, March 8). The Straits Times, p. 3. <https://eresources.nlb.gov.sg/newspapers/digitised/article/straitstimes19360308-1.2.17?qt=kedah,%20drought&q=kedah%20drought>
- Better off in Malaya than in own land. (1935, December 18). Pinang Gazette and Straits Chronicle, p. 5. <https://eresources.nlb.gov.sg/newspapers/digitised/article/pinanggazette19351218-1.2.22?qt=kedah,%20debt&q=kedah%20debt>
- Chinese fined \$500 for illegal planting of rubber. (1938, November 18). Pinang Gazette and Straits Chronicle, p. 9. <https://eresources.nlb.gov.sg/newspapers/digitised/article/pinanggazette19381118-1.2.71>
- Cooperation in the kampongs. (1930, April 23). The Straits Times, p. 12. <https://eresources.nlb.gov.sg/newspapers/digitised/article/straitstimes19300423-1.2.60>
- Health of the states of Kedah and Perlis. (1932, July 12). Pinang Gazette and Straits Chronicle, p. 6. <https://eresources.nlb.gov.sg/newspapers/digitised/article/pinanggazette19320712-1.2.20>
- Kedah rubber company limited. (1939, August 24). Pinang Gazette and Straits Chronicle, p. 10. <https://eresources.nlb.gov.sg/newspapers/digitised/article/pinanggazette19390824-1.2.77?qt=rubber,%20in,%20kedah&q=rubber%20in%20kedah>
- Kedah rubber plantations. (1909, March 26). Pinang Gazette and Straits Chronicle, p. 5. <https://eresources.nlb.gov.sg/newspapers/digitised/article/pinanggazette19090326-1.2.28?qt=kedah,%20rubber,%20company&q=kedah%20rubber%20company>
- Kedah's health. (1937, October 2). Pinang Gazette and Straits Chronicle, p. 8. <https://eresources.nlb.gov.sg/newspapers/digitised/article/pinanggazette19371002-1.2.72>
- Kedah's health board. (1933, May 18). The Straits Budget, p. 5. <https://eresources.nlb.gov.sg/newspapers/digitised/article/straitsbudget19330518-1.2.18.2>
- London Asiatic rubber and produce. (1908, March 12). The Singapore Free Press and Mercantile Advertiser (Weekly), p. 172. <https://eresources.nlb.gov.sg/newspapers/digitised/article/singfreepresswk19080312-1.2.109?qt=london,%20asiatic,%20rubber,%20and,%20produce,%20company&q=London%20Asiatic%20Rubber%20and%20Produce%20Company%20>
- The money-lenders. (1933, March 9). Malaya Tribune, p. 13. <https://eresources.nlb.gov.sg/newspapers/digitised/article/maltribune19330309-1.2.128?qt=kedah,%20debt&q=kedah%20debt>
- Problem of over-assessed estates. (1935, May 16). The Straits Budget, p. 15. <https://eresources.nlb.gov.sg/newspapers/digitised/article/straitsbudget19350516-1.2.94.1>
- Rubber control review. (1937, August 26). The Straits Times, p. 18. <https://eresources.nlb.gov.sg/newspapers/digitised/article/straitstimes19370826-1.2.127>
- Rubber hidden among shrubs. (1937, February 3). Pinang Gazette and Straits Chronicle, p. 7. <https://eresources.nlb.gov.sg/newspapers/digitised/article/pinanggazette19370203-1.2.64>
- Rubber restriction. (1929, February 9). The Singapore Free Press and Mercantile Advertiser (1884-1942), p. 19. <https://eresources.nlb.gov.sg/newspapers/digitised/article/singfreepressb19290209-1.2.127>
- Rubber smuggling on the increase. (1936, August 21). Morning Tribune, p. 23. <https://eresources.nlb.gov.sg/newspapers/digitised/article/morningtribune19360821-1.2.102>
- Rubber restriction. (1929, February 9). The Singapore Free Press and Mercantile Advertiser (1884-1942), p. 19. <https://eresources.nlb.gov.sg/newspapers/digitised/article/singfreepressb19290209-1.2.127>
- Weekly rubber report. (1930, May 23). The Straits Times, p. 11. <https://eresources.nlb.gov.sg/newspapers/digitised/article/straitstimes19300523-1.2.48.5?qt=kedah,%20rubber&q=kedah%20rubber%20>
- What Sime, Darby and Co. did. (1912, February 27). The Straits Times, p. 10. <https://eresources.nlb.gov.sg/newspapers/digitised/article/straitstimes19120227-1.2.70.7?qt=sime,%20darby&q=Sime,%20Darby%20%26%20Co>
- Where food and land are cheap. (1934, December 3). The Straits Times, p. 17. <https://eresources.nlb.gov.sg/newspapers/digitised/article/straitstimes19341203-1.2.106>

- Ahmad, R., & Mohd Rus, A. K. A. (2015). Dominasi pengilang Cina dalam pengeluaran beras di Kedah, 1909-1941. *Sejarah: Jurnal Jabatan Sejarah Universiti Malaya*, 24(2), 1-2. <https://myjurnal.mohe.gov.my/public/article-view.php?id=92588>
- Nordin, N., & Mohd Rus, A. K. A. (2024). Diskriminasi dalam dasar tanah getah dan reaksi orang Melayu di Kedah, 1915-1932. *Sejarah: Journal of the Department of History, Universiti Malaya*, 33(2), 61. <https://doi.org/10.22452/sejarah.vol33no2.4>
- Ponniah, S. (2010). Pengaruh British di Kedah, 1770-1940: Kesan ke atas pentadbiran dan ekonomi (Tesis Doktor Falsafah, Universiti Sains Malaysia).
- Saari, H. (2022). Surat raja-raja dan surat undang-undang: Cerminan sosioekonomi orang Melayu Kedah sehingga awal kurun ke-20 (Tesis Doktor Falsafah, Universiti Sains Malaysia). <https://eprints.usm.my/59695/1/24%20Pages%20from%20HASLINDAWATI%20BINTI%20SAARI%20-%20TESIS.pdf>

¹ Haslindawati binti Saari, *Surat Raja-Raja dan Surat Undang-Undang: Cerminan Sosioekonomi orang Melayu Kedah Sehingga Awal Kurun ke-20* (Tesis Doktor Falsafah, Universiti Sains Malaysia, September 2022), 18-19 <https://eprints.usm.my/59695/1/24%20Pages%20from%20HASLINDAWATI%20BINTI%20SAARI%20-%20TESIS.pdf>.

² Ibid

³ Sivarajan Ponniah, "Pengaruh British di Kedah, 1770-1940: Kesan ke atas Pentadbiran dan Ekonomi", (PhD diss., Universiti Sains Malaysia, 2010), 8

⁴ Nurizwanfaizi bin Nordin & Ahmad Kamal Ariffin bin Mohd Rus, "Diskriminasi dalam Dasar Tanah Getah dan Reaksi Orang Melayu di Kedah, 1915-1932," *Sejarah: Journal of the Department of History, Universiti Malaya* 33, no. 2 (2024): 61, <https://doi.org/10.22452/sejarah.vol33no2.4>.

⁵ Rozaini Ahmad dan Ahmad Kamal Ariffin Mohd Rus, "Dominasi pengilang Cina dalam pengeluaran beras di Kedah, 1909-1941," *SEJARAH: Jurnal Jabatan Sejarah Universiti Malaya* 24, No. 2 (2015): 1-2 <https://myjurnal.mohe.gov.my/public/article-view.php?id=92588>, 53

⁶ "Kedah Rubber Company Limited", *Pinang Gazette and Straits Chronicle*, 24 August 1939, Page 10, <https://eresources.nlb.gov.sg/newspapers/digitised/article/pinangazette19390824-1.2.77?qt=rubber,%20in,%20kedah&q=rubber%20in%20kedah>

⁷ "London Asiatic Rubber and Produce". *The Singapore Free Press and Mercantile Advertiser (Weekly)*, 12 March 1908, Page 172, <https://eresources.nlb.gov.sg/newspapers/digitised/article/singfreepresswk19080312-1.2.109?qt=london,%20asiatic,%20rubber,%20and,%20produce,%20company&q=London%20Asiatic%20Rubber%20and%20Produce%20Company%20>

⁸ "Kedah Rubber Plantations". *Pinang Gazette and Straits Chronicle*, 26 March 1909, Page 5, <https://eresources.nlb.gov.sg/newspapers/digitised/article/pinangazette19090326-1.2.28?qt=kedah,%20rubber,%20company&q=kedah%20rubber%20company>

⁹ "What Sime, Darby and Co. Did." *The Straits Times*, 27 February 1912, Page 10, <https://eresources.nlb.gov.sg/newspapers/digitised/article/straitstimes19120227-1.2.70.7?qt=sime,%20darby&q=Sime,%20Darby%20%26%20Co>.

¹⁰ Nurizwanfaizi dan Ahmad, "Diskriminasi dalam Dasar Tanah Getah dan Reaksi Orang Melayu di Kedah, 1915-1932, 64

¹¹ Ibid, 63

¹² Ibid, 64

¹³ *Malaya Rubber Statistic Handbook, 1930: Acreage, Crops, Imports & Exports and Consumption* (National Library Board Singapore, 1931), <https://www.nlb.gov.sg/main/book-detail?cmsuuiid=f2c1ae83-d594-4860-ac50-a4e227d775a9>, diakses pada Februari 2024, 47

¹⁴ Ibid

¹⁵ Ibid, 46

¹⁶ "Weekly Rubber Report," *The Straits Times*, 23 Mei 1930, hlm. 11, <https://eresources.nlb.gov.sg/newspapers/digitised/article/straitstimes19300523-1.2.48.5?qt=kedah,%20rubber&q=kedah%20rubber%20>.

¹⁷ K/SUK 1/15 Annual Report of The Social and Economic Progress of The People of The State of Kedah for The Year 1354 AH (Arkib Negara Malaysia Kuala Lumpur, 1354/1935): 2007/0002696W, 25

¹⁸ Ibid

- ¹⁹ "236,000 Acres of Rubber Smallholdings Untapped," *The Straits Times*, 8 Mac 1936, hlm. 3, <https://eresources.nlb.gov.sg/newspapers/digitised/article/straitstimes19360308-1.2.17?qt=kedah,%20drought&q=kedah%20drought>
- ²⁰ K/SUK 1/15 Annual Report of The Social and Economic Progress of The People of The State of Kedah for The Year 1354 AH, 2007/0002696W, 40
- ²¹ Ibid
- ²² Ibid, 26
- ²³ Ibid, 39
- ²⁴ K/SUK 1/17 Annual Report of The Social and Economic Progress of The People of The State of Kedah for The Year 1356 AH (Arkib Negara Malaysia Kuala Lumpur, 1356/1937): 2007/0002698W, 32
- ²⁵ K/SUK 1/18 Annual Report of The Social and Economic Progress of The People of The State of Kedah for The Year 1357 AH (Arkib Negara Malaysia Kuala Lumpur, 1357/1938): 2007/0002799W, 35
- ²⁶ Ibid
- ²⁷ Ibid, 74
- ²⁸ Ibid
- ²⁹ "Cooperation in the Kampongs," *The Straits Times*, 23 April 1930, hlm. 12, <https://eresources.nlb.gov.sg/newspapers/digitised/article/straitstimes19300423-1.2.60>
- ³⁰ Ibid
- ³¹ "The Money-Lenders," *Malaya Tribune*, 9 Mac 1933, hlm. 13, <https://eresources.nlb.gov.sg/newspapers/digitised/article/maltribune19330309-1.2.128?qt=kedah,%20debt&q=kedah%20debt>
- ³² "Better Off In Malaya Than In Own Land," *Pinang Gazette and Straits Chronicle*, 18 Disember 1935, hlm. 5, <https://eresources.nlb.gov.sg/newspapers/digitised/article/pinangazette19351218-1.2.22?qt=kedah,%20debt&q=kedah%20debt>
- ³³ K/SUK 1/13 Annual Report of The Social and Economic Progress of The People of The State of Kedah for The Year 1352 AH (Arkib Negara Malaysia Kuala Lumpur, 1352/1933), 2007/0002704W, 42
- ³⁴ Ibid
- ³⁵ "Rubber Restriction," *The Singapore Free Press and Mercantile Advertiser (1884-1942)*, 9 Februari 1929, hlm. 19, <https://eresources.nlb.gov.sg/newspapers/digitised/article/singfreepressb19290209-1.2.127.19>
- ³⁶ "Problem of Over-Assessed Estates," *The Straits Budget*, 16 Mei 1935, hlm. 15, <https://eresources.nlb.gov.sg/newspapers/digitised/article/straitsbudget19350516-1.2.94.1>
- ³⁷ Ibid
- ³⁸ Ibid
- ³⁹ "Rubber Smuggling on the Increase," *Morning Tribune*, 21 Ogos 1936, hlm. 23, <https://eresources.nlb.gov.sg/newspapers/digitised/article/morningtribune19360821-1.2.102>
- ⁴⁰ Ibid
- ⁴¹ "Rubber Hidden Among Shrubs," *Pinang Gazette and Straits Chronicle*, 3 Februari 1937, hlm. 7, <https://eresources.nlb.gov.sg/newspapers/digitised/article/pinangazette19370203-1.2.64>
- ⁴² "Rubber Control Review," *The Straits Times*, 26 Ogos 1937, hlm. 18, <https://eresources.nlb.gov.sg/newspapers/digitised/article/straitstimes19370826-1.2.127>
- ⁴³ "Rubber Smuggling on the Increase," *Morning Tribune*, 21 Ogos 1936, hlm. 23
- ⁴⁴ Ibid
- ⁴⁵ "Chinese Fined \$500 for Illegal Planting of Rubber," *Pinang Gazette and Straits Chronicle*, 18 November 1938, hlm. 9, <https://eresources.nlb.gov.sg/newspapers/digitised/article/pinangazette19381118-1.2.71>
- ⁴⁶ Ibid
- ⁴⁷ K/SUK 1/14 Annual Report of The Social and Economic Progress of The People of The State of Kedah for The Year 1352 AH, 2007/0002704W, 8
- ⁴⁸ Ibid
- ⁴⁹ "Kedah's Health Board," *The Straits Budget*, 18 Mei 1933, hlm. 5, <https://eresources.nlb.gov.sg/newspapers/digitised/article/straitsbudget19330518-1.2.18.2>
- ⁵⁰ Ibid
- ⁵¹ K/SUK 1/14 Annual Report of The Social and Economic Progress of The People of The State of Kedah for The Year 1353 AH, 2007/0002695W, 7
- ⁵² Ibid, 8
- ⁵³ "Kedah's Health," *Pinang Gazette and Straits Chronicle*, 2 Oktober 1937, hlm. 8, <https://eresources.nlb.gov.sg/newspapers/digitised/article/pinangazette19371002-1.2.72>
- ⁵⁴ K/SUK 1/14 Annual Report of The Social and Economic Progress of The People of The State of Kedah for The Year 1353 AH, 2007/0002695W, 8

⁵⁵ Ibid

⁵⁶ Ibid, 7

⁵⁷ "Where Food and Land are Cheap," *The Straits Times*, 3 Disember 1934, hlm. 17,
<https://eresources.nlb.gov.sg/newspapers/digitised/article/straitstimes19341203-1.2.106>

⁵⁸ K/SUK 1/14 Annual Report of The Social and Economic Progress of The People of The State of Kedah for The Year 1354 AH, 2007/0002696W, 8 & K/SUK 1/14 Annual Report of The Social and Economic Progress of The People of The State of Kedah for The Year 1355 AH, 2007/0002697W, 8

⁵⁹ Ibid

⁶⁰ "Health of the States of Kedah and Perlis," *Pinang Gazette and Straits Chronicle*, 12 Julai 1932, hlm. 6,
<https://eresources.nlb.gov.sg/newspapers/digitised/article/pinangazette19320712-1.2.20>.

⁶¹ Ibid

⁶² "Rubber Restriction," *The Singapore Free Press and Mercantile Advertiser (1884-1942)*, 9 Februari 1929, hlm. 19, <https://eresources.nlb.gov.sg/newspapers/digitised/article/singfreepressb19290209-1.2.127>.

⁶³ Ibid